



MODUL PINTAS SPM 2023

3766 / 2

PERNIAGAAN

TINGKATAN 5

Kertas 2

2 Jam 15 Minit

| | |
|----------------|--|
| Nama : | |
| Kelas : | |

**PERNIAGAAN
KERTAS 2**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama, nama kelas** anda pada ruang yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi 3 bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
3. Jawab **lima** soalan daripada **Bahagian A**, **dua** soalan daripada **Bahagian B** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian C.**
4. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
6. Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan

| No. Soalan | Markah |
|-------------------|---------------|
| Bahagian A | |
| 1 | |
| 2 | |
| 3 | |
| 4 | |
| 5 | |
| Bahagian B | |
| 7 | |
| 8 | |
| 9 | |
| Bahagian C | |
| 10 | |
| Jumlah | |

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT).

- Entiti berasingan
- Q
- R

Terangkan Q dan R.

[4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

Sambal Nyet Berapi merupakan sambal yang boleh dimakan terus dengan nasi atau dijadikan pes sambal tumis. Sambal Nyet Berapi yang diusahakan oleh Khairulaming telah mencapai pulangan jualan RM14 juta. Manakala pekerja pula berkembang daripada 8 orang kepada 50 orang. Oleh itu produk sambal dapat dipasarkan secara pos sahaja ke seluruh negara.

(Dipetik dan diubahsuai daripada mStar, Selasa 2 Ogos 2022)


Terangkan klasifikasi perniagaan tersebut.

[6 markah]

- 2 (a) Trend persekitaran perniagaan bermaksud suatu arah aliran perkembangan sesuatu perniagaan.

Jelaskan faktor yang boleh dikawal oleh organisasi yang menyebabkan persekitaran perniagaan meningkat? [6 markah]

- (b) Gambar berikut berkaitan dengan suatu perniagaan yang dijalankan oleh Syarikat Derian Kasmira Sdn. Bhd.




Tahun 2020 : pengeluaran 25,000 keping durian crepe sebulan

Tahun 2021 : pengeluaran 60,000 keping durian crepe sebulan

Terangkan ciri objektif yang telah dicapai oleh Syarikat Derian Kasmira Sdn.Bhd? [4 markah]


3 (a) Jelaskan tujuan bahagian Fungsian Sumber Manusia. [4 markah]

(b) Rajah berikut berkaitan dengan langkah-langkah pembangunan produk baharu.



Terangkan langkah yang berlaku di X, Y dan Z. [6 markah]


4. Gambar berikut menunjukkan orang pekerja di sebuah tapak pembinaan.



(a) Jelaskan aspek pengelolaan sumber manusia yang terdapat dalam gambar tersebut. [4 markah]

(b) Terangkan faktor penentu dalam sistem penggajian yang diamalkan oleh sesebuah perniagaan. [6 markah]

5. (a) Rajah menunjukkan jenis sumber teknologi dalam sebuah perniagaan



Jelaskan P dan Q?

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan luaran.

Encik Aizan merupakan seorang kontraktor yang mendapat tender untuk membina sebuah masjid di daerah Maran. Beliau diberikan tempoh setahun untuk menyiapkan projek berkenaan. Beliau memerlukan 2 buah traktor dan sebuah jentolak yang akan digunakan sepanjang tempoh masa berkenaan.

Jelaskan jenis pembiayaan yang sesuai digunakan oleh Encik Aizan. [6 markah]

6. (a) Terangkan kepentingan penyata kewangan kepada pihak berikut

i. Pihak pengurusan [2 markah]

ii. Pemegang saham [2 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan .

Celine ingin membuka perniagaan atas nama Celly Bakery Sdn Bhd. Beliau perlu mendaftar perniagaannya di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Bagaimanakah prosedur pendaftaran yang perlu dilakukan oleh Celine?

[6 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

7. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis bentuk pemilikan perniagaan.

Syarikat Teguh Jati Sdn Bhd merupakan pengeluar perabot jati di Termerloh Pahang. Syarikat ini mempunyai pekerja tetap seramai 80 orang. Pada tahun 2022, jumlah jualan tahunan mencapai RM20 juta. Permintaan yang tinggi dari seluruh negara menyebabkan syarikat ini cuba menghasilkan perabot jati dengan lebih cepat dan berkualiti. Pihak pengurusan syarikat telah bekerjasama dengan Syarikat Teknologi Thailand dengan menubuhkan Syarikat Jati Tech Sdn Bhd bagi berkongsi teknologi serta kos yang terlibat dalam pengeluaran. Semua pekerja telah diberikan gaji yang lebih kompetitif berdasarkan kemahiran yang dimiliki bagi memastikan tidak berlakunya pemberhentian pekerja yang berkemahiran secara tiba-tiba.

- (a) Jelaskan klasifikasi bagi Syarikat Teguh Jati Sdn Bhd. [4 markah]
- (b) Mengapakah Syarikat Teguh Jati berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan Syarikat Teknologi Thailand dalam pembuatan perabot? [6 markah]
- (c) Terangkan aspek pengelolaan sumber manusia yang terlibat dalam situasi di atas. [5 markah]

8. Matahari Bridal Sendirian Berhad adalah perniagaan yang membekalkan barang-barang perkahwinan untuk pasaran di sekitar bandaraya Kuantan. Permintaan barang-barang pengantin berkurang semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada tahun 2020 kerana perniagaan tidak boleh membuka kedai seperti biasa.

Prestasi kewangan Syarikat Matahari Sdn Bhd untuk tahun 2019 dan tahun 2020 ditunjukkan seperti di bawah:

| Perkara | Tahun 2019 | Tahun 2020 |
|-------------------|-------------------|-------------------|
| Pusing ganti stok | 4 kali | 2 kali |
| Jualan Bersih | RM 350 000 | RM 210 000 |
| Jumlah Aset | RM 460 000 | RM 300 000 |

- (a) Berdasarkan maklumat tersebut,, berikan komen berkaitan dengan pusing ganti stok. [3 markah]
- (b) Justifikasikan Nisbah Pusing Ganti Aset Matahari Bridal Sdn Bhd. [7 markah]
- (b) Bagaimana Matahari Bridal Sdn Bhd dapat meningkatkan prestasi perniagaan tersebut. [4 markah]



9. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan oleh Kamal.

Kamal merupakan seorang tukang masak di Burger King. Setelah berkhidmat selama 10 tahun, beliau ingin memulakan perniagaan beliau sendiri. Beliau bercadang memulakan perniagaan ini berdekatan dengan sebuah kolej di Kuantan. Modal permulaan yang diperlukan adalah sebanyak RM50 000. Namun begitu wang wang simpanannya tidak dapat menampung keperluan modal dan menggaji pekerja.

- (a) Selain dari faktor yang telah diberikan, terangkan faktor lain yang perlu dipertimbangkan oleh Kamal sebelum memulakan perniagaan? [6 markah]
- (b) Cadangkan sumber pembiayaan yang boleh digunakan oleh Kamal untuk merealisasikan hasratnya. Berikan alasan. [4 markah]
- (c) Bagaimanakah faktor dalaman dapat membantu Kamal untuk memulakan perniagaan beliau? [6 markah]

BAHAGIAN C
[20 markah]
Soalan ini wajib dijawab

- 10 Azmi telah mendapat pampasan akibat pemberhentian kerja. Beliau berhasrat untuk memulakan perniagaan namun bimbang perniagaan mengalami kegagalan kerana kurang pengetahuan dalam bidang perniagaan. Azmi sangat tertarik untuk menyertai perniagaan air boba *Tealeaf*. Berikut adalah iklan berkenaan *Tealeaf* yang diperolehi dari internet :



Tealeaf

Hubungi kami : 03 5777777

- Boleh menggunakan cap atau rahsia dagangan *Tealeaf*
- Boleh mengikut sistem yang telah ditetapkan *Tealeaf*
- *Tealeaf* mengenakan kawalan berterusan terhadap perniagaan

Pada awalnya perniagaan *Tealeaf* milik Azmi berjalan dengan lancar dan mendapat keuntungan yang tinggi. Setelah menjalankan perniagaan selama beberapa tahun Azmi telah menerima teguran dari pemilik jenama *Tealeaf* kerana hasil keuntungan perniagaannya semakin menurun. Encik Azmi juga sering menerima komen negatif dari pengguna ekoran mutu servis pekerjaanya.

Berikut adalah laporan kewangan perniagaan yang diusahakan oleh Azmi :

| Butiran | 2021 (RM) | 2022 (RM) |
|------------------|----------------------|----------------------|
| Kos jualan | 80000 | 60000 |
| Aset semasa | 75000 | 50000 |
| Liabiliti semasa | 30000 | 25000 |
| Stok purata | 18000 | 15000 |

Setelah bermesyuarat dengan pihak pengurusan *Tealeaf* Encik Azmi mencadangkan agar pemilik jenama meningkatkan promosi untuk meningkatkan jualan.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut.

- (a) Jelaskan bentuk lain pemilikan perniagaan yang diceburi oleh Encik Azmi. [3 markah]
- (b) Jelaskan kesan kepada pemilik jenama *Tealeaf* jika prestasi perniagaan Azmi semakin menurun. [3 markah]
- (c) Justifikasikan prestasi perniagaan bagi tahun 2021 dan 2022. [5 markah]
- (d) Cadangkan tindakan yang boleh diambil untuk meningkatkan prestasi nisbah kecairan. [5 markah]
- (e) Pada pendapat anda, mengapakah Encik Azmi mencadangkan kepada pihak *Tealeaf* untuk menjalankan pengiklanan sebagai kaedah promosi? [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm